

# Selamatkan ILKS bumiputera

u.m m/s 11 6.3.07

Oleh NORDIN ABDUL MALEK

**BARU-BARU** ini akhbar *Mingguan Malaysia* memaparkan masalah yang dihadapi institusi latihan kemahiran swasta (ILKS) bumiputera. Sebanyak 50 buah pusat latihan berkenaan adalah antara kelompok terakhir usahawan bumiputera yang masih bertahan setelah lebih 700 buah ILKS ditutup akibat ketiadaan dana pembiayaan, insentif dan dasar yang tidak jelas sejak 2003.

Banyak soalan yang ditanya antaranya termasuk soal kualiti ILKS bumiputera, kesukaran mendapat pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan dengan institusi latihan awam (ILA) dan apakah inisiatif untuk mempertahankan usahawan tulen ini?

Terus terang dinyatakan bahawa kegagalan semua pihak melihat potensi ILKS secara mikro dan makro menyebabkan isu ini masih berlarutan yang akhirnya akan merugikan masa depan pembangunan modal insan serta agenda Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Bagi menjawab persoalan tahap kualiti latihan ILKS, institusi milik bumiputera sering digambarkan tidak dapat menandingi ILKS bukan Bumiputera.

Tanpa menafikan mungkin ada yang tidak berkualiti, bukan semua boleh dihukum sedemikian kerana ILKS bukan bumiputera juga mempunyai masalah serupa. Kadangkala persepsi ini ditimbulkan bagi menutup kelemahan dan kegagalan pihak yang menjalankan tugas menyelesaikan isu ILKS bumiputera.

Sedangkan semua ILKS tertakluk di bawah peraturan dan prosedur pengendalian latihan kerajaan. Malah banyak prosedur baru yang diperketatkan dan penyediaan standard latihan (NOSS) adalah hasil perbincangan bersama antara kerajaan dan wakil ILKS.

Hakikatnya, kualiti sesuatu ILKS sangat bergantung pada kekuatan kewangan tetapi mustahil ia berlaku jika perolehan syarikat sangat teruk disebabkan oleh faktor dasar pembiayaan yang tidak konsisten dan lebih dahsyat lagi apabila tiada sebarang insentif.

Bagi merumuskan persoalan ini juga, penutupan banyak operasi ILKS yang dimiliki oleh kerajaan wajar direnungi seperti anak syarikat milik Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia, Felcra Seberang Perak dan banyak lagi yang mempunyai kepakaran, kampus yang serba lengkap dan kewangan yang pastinya kukuh. Apabila perkiraan bisnes dibuat, ternyata jawapannya ialah ketiadaan pelajar yang menjadi sumber pendapatan akibat masalah mendapatkan pembiayaan latihan. Apakah tidak cukup penjelasan ini sebagai jawapan utama?

Manakala isu kekurangan pelajar tidak timbul kerana ILKS mempunyai inisiatif promosi yang lebih baik jika disediakan insentif pembiayaan pelajar. Ini terbukti apabila mereka mampu menarik minat 98,000 pelatih kemahiran swasta pada tahun 2002 dengan dana sekitar RM200 juta sahaja hingga kerajaan terpaksa menyuntik dana tambahan hampir RM300 juta pada tahun tersebut.

Apabila dana dibekukan, kerajaan cuba menambah pengambilan ILA, menaik taraf dan membina ILA baru tetapi jumlah pelatih kemahiran semakin menurun. Ternyata jumlah pelatih berkurangan kepada 50,000 sahaja pada tahun lalu setelah dicampurkan ILA dan ILKS. Itu pun ILKS disokong oleh 80 peratus penajaan Felda.

Tanpa mempertikaikan matlamat perambahan dan keupayaan ILA, penulis berkeyakinan bahawa ILKS bumiputera mampu menjadi pelengkap kepada sistem latihan kerajaan untuk mencapai segera matlamat pembangunan modal insan jika diberi peluang sepenuhnya.

Difahamkan terdapat 300,000 orang daripada 540,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) setiap tahun yang tidak mengikuti pendidikan atau latihan kemahiran lanjutan selepas sekolah menengah.

Kumpulan inilah yang menjadi pekerja tidak terlatih dan berisiko kepada masalah sosial semasa seperti 'Mat Rempit'. Bahkan lebih berbahaya lagi sebagai pewaris masalah sosioekonomi pada masa akan datang mungkin sebagai kelompok miskin tegar!

**Kualiti sesuatu ILKS sangat bergantung pada kekuatan kewangan tetapi mustahil ia berlaku jika perolehan syarikat sangat teruk disebabkan oleh faktor dasar pembiayaan yang tidak konsisten dan lebih dahsyat lagi apabila tiada sebarang insentif**

Lebih parah majoriti mereka ini adalah anak Melayu!

Jika dilihat pula dari aspek impak ekonomi, ILKS bukan sahaja sejajar dengan matlamat MPPB untuk menggalakkan penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor pendidikan dan latihan sumber manusia, bahkan industri ini mampu menjana peluang perniagaan kepada tiga kali ganda daripada nilai peruntukan pembiayaan.

Rata-rata perkembangan ILKS bumiputera akan memberi limpahan kepada usahawan bumiputera dalam semua sektor. Maka tidak timbul isu 'ketirisan' projek kepada bukan bumiputera seperti yang didakwa berlaku kepada kontraktor Melayu.

Lebih penting lagi, rata-rata usahawan ILKS bumiputera mengendalikannya sendiri tanpa mengalibabkan perniagaan atau pengurusan latihan.

Baki terakhir ini adalah kumpulan usahawan yang benar-benar tulen, berpengalaman dan berdaya tahan. Ada antara mereka yang sanggup meninggalkan pekerjaan di sektor awam dan melabur modal berjuta-juta ringgit untuk menceburi bidang ini. Majoritinya pula berpengalaman antara lima dan 15 tahun sebagai pengusaha.

Apakah menghairankan, pengusaha ILKS bumiputera diberi harapan sepanjang masa tetapi tiada satu tindakan konkrit dan komitmen jitu disuntik untuk menyelesaikan masalah mereka.

Antara cadangan ILKS bumiputera ialah penubuhan ILKS berkonsep 'Payung' yang menggabungkan 50 ILKS bumiputera berpotensi. Sepuluh daripadanya menjadi institusi peneraju utama dan 40 buah lagi sebagai institusi bersekutu dalam pelbagai bidang kemahiran. Melalui Kementerian Pengajian Tinggi, ILKS telah menghantar kertas cadangan kepada Unit Perancang

Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri. Ini termasuklah beberapa cadangan inisiatif dan insentif jangka panjang untuk melatih sekurang-kurangnya 50,000 pelatih setahun di ILKS bumiputera bermula tahun ini. Jumlah dana yang diperlukan sekitar RM350 juta setahun dalam bentuk geran latihan. Kontrak latihan selama 5 tahun ini mencakupi pengajian sekurang-kurangnya dua tahap termasuk sara diri.

Amat menghairankan kita apabila industri ini langsung tidak mempunyai insentif galakan seperti industri lain. Difahamkan bidang pelancongan mempunyai hampir 20 insentif. Begitu juga dengan Industri Kecil Sederhana (IKS) lain. Bank amat sukar untuk membiayai pengusaha mahupun pelatih kerana kerajaan sendiri tidak menyediakan skim khas berkenaan.

Justeru, isu Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) hanyalah sebahagian langkah penyelesaian. Pakej penyelesaian penuh gabungan dalam konsep payung di atas adalah penyelesaian jangka panjang yang boleh meleraikan isu ILKS Bumiputera sepenuhnya. Adalah tidak adil jika isu PTPK dijadikan sasaran pembangunan ILKS.

Persoalannya, bilakah penyelesaiannya hendak dilakukan? Apakah yang menjadi tanda tanya ialah kerajaan seolah-olah memberi harapan tetapi hakikatnya tidak menampakkan kesan hasil sebenar. Maka timbulah persoalan lain iaitu apakah kerajaan mahu membiarkan ILKS bumiputera lenyap begitu sahaja.

**□ PENULIS ialah Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) Bumiputera.**